

MERASMIKAN SYARIKAT KERJASAMA PENGGUNA-PENGGUNA PERKHIDMATAN
AWAM BERHAD
SABAH,

16 NOVEMBER 1981

1. Terima kasih kepada ahli-ahli Syarikat Kerjasama ini kerana sudi menjemput YAB untuk merasmikan Syarikat tersebut. Gembira dapat bersama hadirin di majlis yang meriah tersebut.

2. Dalam usaha-usaha Kerajaan untuk meninggikan taraf ekonomi rakyat Kerajaan menggalakkan penubuhan koperasi-koperasi kerana ia dapat melatih ahli-ahli berjimat di samping mendedahkan mereka kepada bidang perniagaan. Koperasi-koperasi yang berjaya adalah yang mempunyai pengurusan pentadbiran dan kewangan yang cekap.

3. Walau bagaimanapun pengurusan kewangan yang cekap sahaja tidak mencukupi. Tidak kurang pentingnya ialah menambah bilangan ahli koperasi yang aktif yang benar-benar menaruh minat dalam kegiatan koperasi dan sentiasa memberi sumbangan positif kepada kemajuan usaha ini.

4. Koperasi sebagai satu badan perniagaan yang bertanggungjawab kepada ahli-ahlinya, iaitu pengguna-pengguna, memainkan peranan penting dengan memberi perlindungan kepada ahli-ahlinya dari segi mengawasi harga-harga barang keperluan harian. Dengan cara ini kegiatan tidak sihat setengah-setengah para peniaga yang sentiasa mencari jalan untuk menaikkan harga barang-barang dapat dikawal.

5. Syarikat Kerjasama juga boleh membantu ke arah mengurangkan kegiatan orang-orang tengah dengan cara membeli terus daripada pengilang-pengilang. Ini adalah lebih murah dan menjimatkan. Penjimatan harga ini dapat dinikmati oleh ahli-ahli apabila koperasi menurunkan harga barang-barang jualan. Ini merupakan satu sumbangan positif syarikat-syarikat kerjasama kepada perkembangan ekonomi negara dengan membantu membendung inflasi. Kejayaan ekonomi yang telah kita capai sehingga hari ini sudah tentu tidak akan memberi apa-apa makna jika inflasi tidak dikawal.

6. Kakitangan-kakitangan Kerajaan di negara ini memang telah banyak memberi sumbangan kepada negara dan telah memberi khidmat yang baik. Walau bagaimanapun saya percaya kakitangan Kerajaan mempunyai kebolehan untuk meninggikan pengeluaran kita. Dengan

bertambahnya daya pengeluaran akan tercapai tahap kemajuan yang lebih tinggi lagi.

7. Kita mestilah berbangga dengan kerja yang kita lakukan. Kita hendaklah mempunyai sikap bahawa kita bekerja bukanlah semata-mata untuk mendapat gaji tetapi dengan tujuan yang lebih besar dan murni, iaitu untuk berbakti kepada masyarakat dan negara.